

NO. SOALAN : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian akan menggubal undang-undang untuk menghentikan diskriminasi terhadap wanita terutama dalam pengambilan kaum wanita sama ada di sektor awam ataupun swasta.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa prihatin dengan sebarang bentuk diskriminasi yang dilakukan terhadap mana-mana golongan terutamanya wanita.

Sehubungan itu, bagi menzahirkan keprihatinan dan komitmen Malaysia dalam menghapuskan diskriminasi terhadap wanita, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) pada tahun 1995. Ini merupakan usaha Kementerian dalam memastikan tiada sebarang diskriminasi dilakukan terhadap wanita termasuk diskriminasi terhadap pengambilan kerja wanita di sektor awam atau sektor swasta.

Setelah menjadi negara pihak kepada CEDAW, Kerajaan telah meminda peruntukan dalam Perlembagaan bagi memastikan hak kesamarataan antara gender iaitu pada Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan dengan menambah perkataan jantina. Ini bermaksud, di Malaysia pengertian

kesaksamaan bukan sahaja pada agama, ras, keturunan dan tempat lahir tetapi juga jantina. Ia terpakai dalam mana-mana undang-undang atau pelantikan kepada apa-apa jawapan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan perolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau perjalanan apa-apa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.

Selain Perlembagaan Persekutuan, **Akta Kerja 1955** yang menyentuh perkara yang berkaitan dengan diskriminasi terhadap wanita seperti larangan bagi wanita di sektor industri dan pertanian untuk bekerja di waktu malam, penglibatan wanita dalam sektor 3D (*dangerous, dirty and difficult*) dan penambahan peruntukan khas bagi menangani isu gangguan seksual di tempat kerja telah dipinda dan berkuat kuasa pada 1 April 2012.

Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja (JTK) yang diterima melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM), dari tahun 2014 sehingga April 2016, JTK hanya menerima satu (1) aduan berkenaan diskriminasi terhadap wanita iaitu mengenai keengganan majikan untuk menggaji wanita bertudung. Hasil siasatan didapati isu ini adalah berasas dan

majikan telah diberi nasihat yang sewajarnya supaya tidak mengamalkan diskriminasi dalam pemilihan calon pekerja terutamanya mengikut gender. Siasatan juga akan terus dijalankan kepada mana-mana syarikat sekiranya terdapat kes-kes yang melibatkan diskriminasi terhadap wanita dan hak-hak pekerja wanita yang dinafikan di bawah peruntukan undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan.

Kementerian juga masih meneliti perancangan untuk menggubal undang-undang khusus ke atas diskriminasi terhadap wanita dan akan meneruskan konsultasi dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak-pihak yang berkaitan dalam meneliti perkara ini bagi memastikan Malaysia mencapai kesaksamaan gender seperti negara-negara maju yang lain.